

## **BAB 5 KAEDAH PEMBENTUKAN PERSALINAN MELAYU**

### **5.1 Pendahuluan**

Bab 5 merupakan lanjutan dari bab 4 yang telah menghuraikan secara khusus tentang peralatan dan kaedah tradisional untuk menghasilkan kain tenun dan Kostum tradisional Melayu Kelantan. Pengkajian tidak begitu lengkap jika tidak dibuat secara khusus dan lebih terperinci mengenai peranan sebenar yang dimainkan oleh kain tenun dalam membentuk persalinan Melayu yang begitu lengkap dan unggul.

Berdasarkan hasil kajian dan kenyataan-kenyataan yang telah dianalisa dari bab-bab yang lepas, satu kajian yang lebih lengkap difokuskan pada kaedah dan proses-proses yang terlibat dalam menyediakan persalinan lengkap. Kajian ini diharap akan membantu memberi jawapan yang lebih tepat pada topik yang diperbincangkan. Oleh yang demikian, satu simulasi persalinan lengkap lelaki dan perempuan dirangka khusus berdasarkan data-data serta maklumat yang diperolehi dari bab sebelum ini.

## 5.2 Tujuan

- i) Untuk mengenalpasti proses-proses dan peringkat yang terlibat secara terperinci bagi menyiapkan sepasang persalinan lengkap.
- ii) Untuk mengetahui sejauh mana peranan kain tenunan tradisional Melayu dalam menentukan reka bentuk persalinan.
- iii) Menentukan sebanyak mana kuantiti kain tenunan yang diperlukan untuk menyiapkan sepasang persalinan lengkap lelaki dan perempuan.
- iv) Mengetahui dengan lebih jelas teknik-teknik potongan dan jahitan, penjagaan serta cara pemakaian kain tenun yang dijadikan persalinan Melayu.
- v) Mengenalpasti jenis-jenis ragam hias dan aksesori yang lazim digunakan oleh masyarakat Melayu lama bagi melengkapkan persalinan.
- vi) Meninjau apakah faktor-faktor lain yang turut terlibat dalam mempengaruhi reka bentuk persalinan Melayu.

## 5.3 Metod

Berdasarkan sumber maklumat yang diperolehi dari bab-bab sebelum ini, satu kajian yang terperinci dirangka ke atas tekstil dan pakaian Melayu bagi menjelaskan persoalan tentang hubungkait di antara kedua-duanya. Kajian itu dibuat mengikut kaedah-kaedah yang ditentukan seperti berikut:

### 5.3.1 Penggunaan Kain

- i) Berbagai jenis kain tenunan digunakan untuk membuat pakaian. Oleh itu berbagai bidang kain dengan kepanjangan yang tertentu telah ditenun di kek mengikut fungsinya. Namun untuk tidak mengelirukan jawapan yang diperlukan, tenunan yang dipilih dikhususkan untuk membuat persalinan lengkap sahaja. Perancangan saiz, jenis motif, perletakan corak dibuat berdasarkan hasil kajian yang terdapat dari bab-bab sebelum ini.
- ii) Simulasi reka bentuk tenunan dibuat adalah berdasarkan saiz asalnya sebagaimana yang didapati di atas kek yang ditampilkan dalam skil tertentu. Bagi memudahkan pemahaman, nisbah ukuran yang dibuat adalah 1:1 ( 1 cm : 1 mm ) dengan perletakkan susunan motif mengikut reka corak diatas pola bentuk asal seperti kepala, badan dan kaki kain.

### 5.3.2 Jenis Kain

Sebagaimana yang dijelaskan dalam bab yang lepas, bukan semua jenis kain tenunan sesuai untuk dipotong-potong dan dijadikan pakaian yang berjahit. Sesetengahnya ditenun untuk fungsi-fungsi tertentu seperti cindai, limar bersurat, kain selendang dan sebagainya. Oleh yang demikian, untuk kajian ini, ‘Songket’ dipilih sebagai bahan penyelidikan memandangkan ianya lazim digunakan untuk membuat persalinan lengkap. Persalinan songket nampak gah apabila dipakai disebabkan kedudukannya yang istimewa dalam masyarakat Melayu sejak dulu sehingga kini. Tambahan pula tenunan songket ini masih diusahakan sekarang dan masih kekal fungsinya untuk dijadikan persalinan lengkap yang masih digayakan oleh masyarakat Melayu.

Songket boleh didapati dalam berbagai jenis reka corak dan motif. Namun untuk tidak mengelirukan, songket yang dipilih adalah bercorak bunga penuh bernatarkan satu warna. Jenis motif yang diambil adalah berbentuk bunga pecah empat dengan hiasan kepala berbentuk pucuk rebung yang disusun atur sebagaimana pembahagiannya diatas kain sebenar. Reka bentuk motif ditunjukkan dalam lukisan teknikal 1.


### **5.3.3 Pemilihan Pakaian**

Pemilihan bukan sahaja tertumpu pada jenis kain sahaja, sebaliknya jenis pakaian juga perlu ditentukan. Ini disebabkan jenis pakaian yang dipilih turut mempengaruhi hasil kajian ini. Oleh itu memang tepat persalinan Melayu dijadikan bahan kajian kerana ia mempunyai kekstremewaannya yang tersendiri dan masih dipakai sehingga ke hari ini khususnya bagi menghadiri majlis-majlis rasmi serta adat istiadat Melayu.


#### **5.3.3.1 Persalinan Melayu**

Persalinan Melayu merupakan satu-satunya reka bentuk pakaian yang beridentitikan keMelayuan yang masih kekal dalam bentuk asal berbanding pakaian-pakaian lama yang lain. Apa yang dimaksudkan dengan persalinan Melayu ini adalah terdiri dari lima persalinan bagi lelaki iaitu baju, seluar, sampin, bengkung dan tengkolok. Manakala bagi perempuan pula ialah baju, sarung dan selendang. Oleh yang demikian satu persalinan yang lazim dipakai dipilih untuk menganalisis pengkajian ini. Bagi persalinan lelaki ialah baju Melayu (cekak musang), seluar panjang, sampin, tengkolok dan bengkung seperti dalam lukisan teknikal 2. Manakala bagi perempuan pula ialah baju kebaya, sarung dan selendang sepetimana dalam lukisan teknikal 3. Pemilihannya adalah berdasarkan pakaian ini lebih popular berbanding pakaian lain yang diperbuat dari kain songket.


Lukisan teknikal 1 Motif-motif Yang Dipilih Untuk Persalinan Lelaki dan Perempuan



Motif Bunga Pecah 4 (Bahagian badan kain)




Motif Pucuk rebung (Bahagian Kepala Kain)




Motif Gunungan (Bahagian kaki kain)

Lukisan teknikal 2 Rupa Bentuk Pola Persalinan Lelaki



**Baju Melayu Cekak  
Musang**




**Seluar Panjang**



**Sampin**



**Tengkolok**



**Bengkung**

Lukisan teknikal 3 Rupa Bentuk Pola Persalinan Perempuan



**Baju Kebaya**

Depan

Belakang

**Sarung**

Depan

Belakang



**Selendang**

### **5.3.3.2 Pola Reka Bentuk**

Reka bentuk persalinan Melayu yang dipilih dibuat berdasarkan saiz ‘M’ bagi lelaki dan perempuan yang disediakan dalam lampiran 11 mengikut pola-pola seperti senarai dibawah:

#### **5.3.3.2.1 Lelaki**

- a. Baju Melayu cekak musang - terdiri dari satu panel badan depan dan belakang, panel lengan yang panjang (kiri dan kanan), kekek, pesak, leher beserta plaket, kocek bawah dan satu kocek atas seperti dalam lukisan teknikal 4. Kaedah merangka pola baju Melayu cekak musang disertakan dalam lampiran 12.
- b. Seluar - terdiri dari dua keping kain yang sama saiz (termasuk depan dan belakang) yang dilipat bahagian tepi seperti dalam lukisan teknikal 5 yang dipakai secara cerut dibahagian pinggang. Kaedah merangka pola seluar didapati dalam lampiran 13.
- c. Sampin - tidak dipotong sebaliknya disambung (ditangkup) di kedua-dua hujungnya seperti sarung lebih kurang ukurannya 2 meter seperti dalam lukisan teknikal 6.


- d. Tengkolok – Pola bentuk tengkolok kekal dalam bentuk asalnya iaitu 4 persegi sama, cuma diberi kemasan tepi agar benang kain tidak terburai sebagaimana didapati dalam lukisan teknikal 7.
- e. Bengkung - terdiri dari 3 keping kain yang sama saiznya iaitu  $3 \times 5$  in. Dua keping untuk dijahit dan dipakai secara melilitnya dipinggang manakala sekeping lagi untuk dijadikan hiasan yang digubah bentuk bungan atau kipas yang dijahitkan dibahagian depannya sebagaimana ditunjukkan dalam lukisan teknikal 8.

#### 5.3.3.2.2 Perempuan


- a. Baju Kebaya – Kebaya terdiri dari bahagian hadapan (kiri dan kanan) yang berlepel dibukaan depan. Satu keeping bahagian belakang dan berlengan panjang. Pola bentuknya berlisu untuk mendapatkan padanan mengikut bentuk badan seperti dalam lukisan teknikal 9 dan kaedah merangka pola kebaya ini disertakan dalam lampiran 14.
- b. Sarung – Sarung juga kekal dalam bentuk asalnya seperti sampin dalam bentuk empat segi yang ditangkupkan dibahagian kedua-dua tepi hujungnya seperti dalam lukisan teknikal 10.
- c. Selendang – Selendang yang dipakai dalam persalinan sekarang ini berbeza sedikit dengan selendang yang dipakai pada zaman dahulu dari segi saiznya dan cara pakainya. Sebaliknya reka corak, jenis motifnya, warna serta ragam

hiasnya adalah lebih kurang sama. Reka bentuknya ditunjukkan dalam lukisan teknikal 11.

Lukisan teknikal 4 Panel-panel Pola Baju Melayu Cekak Musang



Lukisan teknikal 5 Panel-panel Pola Seluar




Lukisan teknikal 6 Pola Sampin



Panel-panel Bengkung




Lukisan teknikal 7 PolaTengkolok



Lukisan teknikal 8 Pola Bengkung

Lukisan teknikal 9 Panel-panel Pola Baju Kebaya





Lukisan teknikal 10 Pola Sarung



Lukisan teknikal 11 Pola Selendang

### **5.3.4 Perancangan Warna dan Motif Persalinan**

Peralatan dan proses pembuatan songket telah disentuh secara am di dalam bab 4. Walaubagaimana pun untuk membuat persalinan sut lapan ini memerlukan perancangan yang lebih rapi dan terperinci. Persalinan yang menarik perlu dirancang dari peringkat awal lagi terutamanya semasa proses pewarnaan dan penyusunan benang serta kedudukan motif.

#### **5.3.4.1 Pewarnaan**

Pemilihan warna amat perlu untuk menyesuaikan motif songket dengan latarbelakangnya. Lazimnya tukang tenun menggunakan satu warna sahaja dan memilih warna-warna gelap sebagai warna natar supaya kilauan benang emas songket lebih menyerlah. Tambahan pula songket bunga penuh sarat dengan benang-benang emas atau perak. Oleh yang demikian tidak berapa sesuai jika bernatarkan warna yang berwarna warni kerana ia mengganggu keindahan motif emas tersebut. Oleh itu untuk mendapatkan songket yang menarik benang pakan dan loseng yang sama warna digunakan untuk tujuan kajian ini.

#### **5.3.4.2 Pembentukan Motif**

Pembentukan motif adalah berdasarkan susunan ikat butang. Oleh kerana motifnya adalah sama dan ringkas, susunan ikat butangnya tidak begitu rumit cuma dibahagian kepala serta kaki kain sahaja berlainan. Bagi motif badan dan kaki kain, ikat butang hanya dibuat sekali sahaja, cuma proses mengangkat butang

yang diulang beberapa kali mengikut reka bentuk yang dikehendaki (*repetition*). Manakala bahagian kepala kain khususnya untuk sarung, sampin dan selendang ditenun secara berlawanan arah (*mirror effect*) seperti pembentukan pucuk rebung.

### 5.3.5 Kuantiti Kain

Persalinan Melayu memerlukan beberapa meter kain songket yang ditenun secara berasingan mengikut fungsinya dan dirancang susunannya di atas kek. Kuantiti yang diperlukan adalah seperti berikut:

Persalinan lelaki : Baju Melayu - memerlukan lebih kurang 2.5 meter

Seluar - memerlukan lebih kurang 2 meter

Sampin - memerlukan 2 meter kain

Tengkolok - memerlukan 36 in x 36 in kain

Bengkung - memerlukan 36 in x 5 in x 3 keping kain

Kain untuk membuat baju dan seluar ditenun diatas satu kek sepanjang 7 meter.

Songket perlu ditenun lebih dari kuatiti yang diperlukan kerana ia akan mengecut apabila siap. Manakala sampin, tengkolok dan bengkung ditenun di atas satu kek.

Persalinan perempuan : Baju - memerlukan 2.5 meter kain

Sarung - memerlukan 2 meter kain


Selendang - memerlukan 2 meter

Kain untuk baju dan sarung ditenun bersama diatas satu kek sepanjang 5 meter dan selendang ditenun berasingan kerana bidangnya lebih kecil.


#### 5.4 Susun Atur Tenunan Songket Persalinan Di Atas Kek.

Reka corak tenunan songket bagi persalinan lelaki khususnya untuk baju dan seluar dipenuhi dengan motif bunga penuh. Di bahagian kaki kain lazimnya diletakkan reka corak yang berlainan agar kelihatan lebih menarik. Kain untuk membuat baju dan seluar ditenun bersama di atas satu kek seperti yang tunjukkan dalam lukisan teknikal 12. Sebaliknya sampin, tengkolok dan bengkung disusun dengan lebih teratur kerana ia mempunyai bidang saiz yang berlainan. Sampin ditenun lebih dahulu kerana bidangnya lebih besar diikuti dengan tengkolok serta bengkung.

Manakala untuk persalinan perempuan, sarung dan baju ditenun di atas kek yang sama dengan bidang yang sama. Tenunan dimulakan dengan sarung dengan susunan motif yang sama dengan persalinan lelaki. Hanya dibahagian kepala kain mempunyai reka corak yang berlainan sepertimana sampin. Susun atur sarung dan baju perempuan ditunjukkan dalam lukisan teknikal 13. Selendang ditenun secara berasingan kerana bidang dan perletakan motifnya berbeza.





Lukisan teknikal 13 Susun Atur Reka Corak Songket Persalinan Perempuan Di Atas




### 5.5 Rangka Pola Persalinan (Arahan Potongan Pola)


Pola pakaian adalah perlu jelas dan lengkap sebelum diletakkan diatas kain untuk dipotong. Panel-panel pola hendaklah dirancang arah potongannya, jumlah panel yang diperlukan serta tanda-tanda arahan-arahan lain yang perlu diikuti. Antaranya ialah arah ira kain, basi jahitan, lapik, lipatan dan sebagainya. Pola lengkap arahan potongan persalinan lelaki ditunjukkan dalam lukisan teknikal 14 dan perempuan dalam lukisan teknikal 15.




Pesak



Kocek Bawah




Kocek Atas




Pleket




Kolar



Kekek



Lukisan teknikal 14b Arahan Potongan Pola Lengkap Seluar



Lukisan teknikal 15 Arahan Potongan Lengkap Baju Kebaya



DEPAN


BELAKANG



Lengan



Lengan



## 5.6 Proses Pembentukkan Persalinan

Penyusunan pola persalinan di atas kek mempengaruhi visual tampak pada produk akhir persalinan lengkap. Pola diatur mengikut kesesuaianya dengan reka corak motif dan bidang kain. Persalinan lelaki dan perempuan diatur berasingan di atas kek.

### 5.6.1 Susun Atur Pola Persalinan Lelaki Di Atas Songket

Bagi persalinan lelaki, hanya pola seluar dan baju sahaja memerlukan penyusunan pola di atas bidang songket. Manakala sampin, tengkolok dan bengkung pola terbentuk sepetimana bentuk asalnya di atas kek. Pada masa dahulu pola seluar lelaki diambil melintang ira kain bagi mengekalkan kedudukan reka corak motif di bahagian kaki seluar. Sekiranya panjang seluar tidak mencukupi, kain kosong ditokok tambah di bahagian atas.

Baju Melayu diambil mengikut ira kain bagi pola badan dan tidak mempunyai jahitan atau sambungan di bahagian bahu. Kesemua panel pola pesak dan kekek juga diambil mengikut ira kain. Manakala pola lengan diambil melintang ira supaya ia tidak menggelebeh bila siap nanti. Plaket dan kolar biasanya diambil pada bahagian reka corak motif kaki kain bagi menaikkan serinya. Lukisan teknikal 16 menunjukkan susun atur pola persalinan lelaki di atas bidang songket.

### **5.6.2 Susun Atur Pola Persalinan Perempuan Di Atas Songket**


Susunan pola persalinan perempuan hanya dibuat pada baju sahaja. Sarung dan selendang tidak memerlukan susunan pola kerana reka bentuknya ditetapkan semasa di peringkat tenunan di atas kek sebagaiman sampin dan tengkolok. Bagi pola baju kebaya kedua-dua pola hadapan badan diaturkan perletakannya pada reka corak motif kaki kain untuk mendapatkan corak motif di sepanjang bukaan depan. Panel belakang diambil mengikut ira kain dan pola lengan diambil melintang ira bagi membolehkan reka corak motif kaki songket berada di hujung lengan seperti pola lengan lelaki. Lukisan teknikal 17 menunjukkan kedudukan susun atur pola persalinan perempuan di atas bidang tenunan songket.

### **5.6.3 Kaedah Susunan Alternatif**


Dalam keadaan tertentu, susunan pola persalinan lelaki dan perempuan boleh diambil berbagai cara. Susun atur pola persalinan hanya boleh diubah pada kedudukan pola seluar dan baju bagi lelaki serta baju bagi perempuan. Bagi persalinan lelaki, seluar kadang-kala diambil mengikut ira kain dan tidak memerlukan penyambungan kerana ia dapat memenuhi sukanan laboh yang dikehendaki. Sebaliknya pola baju tidak banyak berubah. Lukisan teknikal 18 menunjukkan pilihan susun atur pola seluar dan baju lelaki. Manakala persalinan perempuan pula tidak banyak pilihan boleh dilakukan dalam munyusun pola kerana ianya terhad. Antaranya panel bahagian depan dan belakang badan boleh diambil secara melintang ira kain bagi membolehkan reka corak motif kaki songket terletak pada bahagian bawah baju. Panel lengan juga boleh diambil mengikut ira kain tetapi

ia tidak mempunyai reka corak motif di bahagian hujung lengan. Lukisan teknikal  
19 menunjukkan pilihan susun atur pola kebaya di atas bidang tenunan songket.

Lukisan teknikal 16




Lukisan teknikal 17





↔ Ira ka  
----- Garis

Lukisan teknikal 18



Lukisan teknikal 19



## 5.7 Hasil Rupa Bentuk Pola Persalinan

### 5.7.1 Reka Bentuk

Reka bentuk persalinan yang dihasilkan adalah lurus dan longgar sesuai dengan kaedah polanya yang berpanel lurus dan pola tepi tanpa potongan sebaliknya dilipat sahaja. Kaedah ini akan mengurangkan cantuman khususnya dibahagian tepi seluar menjadikan siluetnya besar dan lurus kebawah. Walaupun bentuknya longgar dan lurus, namun ia dapat dilihat sangat menarik bila dipakai kerana tertakluk pada cara memakainya. Mengikut kaedah potongan yang pertama, panjang seluar perlu ditokok dengan kain lain bagi mencukupi sukatan labuh seluar yang dikehendaki. Kaedah ini amat sesuai bagi keselesaan dan dapat menguatkan ikatan semasa memakainya. Kebiasaannya kain yang ditokok ini adalah dari kain tenunan kapas atau sutera kosong bagi memberi keselesaan pada pemakai. Selain itu juga ia berfungsi mengelakkan geseran benang emas dengan badan di samping membantu menguat dan mengekalkan ikatan bila dipakai. Lazimnya kain tenunan songket lebih berstruktur dan lebih senang terburai bila diikat atau dikilas untuk memakainya. Pada hakikatnya kaedah potongan yang pertama (rujuk lukisan teknikal 20 bagi persalinan lelaki dan lukisan teknikal 21 bagi persalinan perempuan) adalah lebih praktikal dan menjimatkan kain. Kain digunakan sepenuhnya dan tidak membazir iaitu lebih kurang empat meter berbanding dengan kaedah yang kedua (rujuk lukisan teknikal 22 bagi persalinan lelaki dan lukisan teknikal 23 bagi persalinan perempuan) memerlukan lebih kurang lima meter bagi persalinan lelaki.

Persalinan lelaki dan perempuan tampak lebih kemas dan bergaya meskipun bajunya lebih besar, longgar dan lurus. Pembahagian kadar bandingnya adalah seimbang di mana tidak terlalu banyak garisan-garisan pembahagi dalam menentukan bentuk-bentuk dan ruang. Garisan merupakan elemen rekaan yang paling asas dalam menentukan keberkesanannya hasil rekaan. Garisan mampu membentuk gaya yang menarik dengan penampilan garis siluet asas badan, dan membahagikan bahagian-bahagian lain seperti garis leher, pinggang, lengan serta garisan-garisan dekorasi. Hasil kajian ini menunjukkan reka bentuk persalinan lelaki dan perempuan tidak mempunyai banyak garisan sesuai dengan pola potongannya yang berpanel dan lurus dengan teknik lipatan. Ini menjadikanya kelihatan lebih ringkas tetapi menarik disebabkan oleh teknik dan gaya pemakaianya di samping penggunaan kain yang maksima. Keindahan dan keunikannya terserlah dengan penampilan gaya memakainya dengan gubahannya sampin dan tengkolok yang kreatif.


#### 5.7.2 Reka Corak

Penampilan reka corak motif adalah terancang dan tersusun rapi. Reka corak motif bunga penuh memenuhi setiap persalinan lelaki dan perempuan dengan reka corak tepi kainnya terletak di tempat-tempat yang tertentu. Walaupun cara pemakaianya yang berlapis-lapis namun kedudukan motif tidak bercelaru sebaliknya teratur dan harmoni di antara satu sama lain. Kedudukan reka corak motif kaki kain diletakkan di tempat yang sama pada persalinan lelaki dan perempuan seperti di hujung kaki, tangan dan bukaan depan baju serta hujung lengan. Kesamaan ini menampilkan keseimbangan bagi kedua-dua persalinan ini. Malah ia kelihatan


seolah-olah menyatukan persalinan ini dan saling memerlukan di antara satu sama lain.

Selain dari itu juga kaedah potongan juga turut membantu mengekalkan reka corak motif dari kerosakkan. Kaedah lipatan pola dapat mengurangkan kerosakkan pada motif songket seperti mengelakkan benang emas dari putus-putus atau pecah jika memotong atau menjahitnya terlalu banyak. Hasil kajian ini menunjukkan jika dibandingkan kedua-dua kaedah potongan pola persalinan tersebut, kaedah potongan yang pertama adalah lebih berkesan dan lebih terancang kedudukan reka corak motifnya.


Pertama



Lukisan teknikal 21 Hasil Rupa Bentuk Persalinan Perempuan Mengikut Kaedah pertama



Lukisan teknikal 22 Hasil Rupa Bentuk Persalinan Lelaki Mengikut Kaedah Alternatif



Lukisan teknikal 23 Hasil Rupa Bentuk Persalinan Perempuan Mengikut Kaedah

Alternatif



## 5.8 Kesimpulan

Perancangan persalinan lengkap adalah bermula dari peringkat awal iaitu pemilihan bahan-bahan asas, motif dan kaedah pembuatannya. Pemilihan bahan-bahan asas amat mempengaruhi reka bentuk persalinan Melayu. Penggunaan benang sutera yang lembut menjadikan kain songket jatuh dengan elok dan berkilau lembut. Kombinasi kelembutan benang sutera ini bersama benang emas dengan corak bunga penuh menghasilkan kain songket yang lebih berstruktur, membentuk siluet persalinan yang lebih mantap dan menarik.

Selain dari pemilihan benang, pemilihan warna turut memainkan peranan dalam menghasilkan persalinan yang menarik. Warna dalam persalinan lengkap ditentukan oleh status kedudukan dan sumber-sumber semulajadi yang terhad. Oleh yang demikian pemilihan warna natar yang sesuai amat penting untuk menentukan kedudukan sosial pemakai dan mampu menaikkan seri kilauan emas songket. Pemilihan warna merah gelap dalam kajian ini membuatkan benang emas berseri dan berkilauan.

Pemilihan motif dan susun atur reka corak membantu menghiasi persalinan Melayu. Motif-motif tradisi dengan corak bunga penuh membentuk pola persalinan yang padat dan bergaya. Pemilihan motif dan susun atur reka corak dirancang diperingkat di atas kek kemudian diolah dengan teratur pola reka bentuk persalinan diperingkat pemotongan kain menghasilkan persalinan yang menarik dan bermakna. Motif pada badan kain, kaki kain, kepala kain diletakkan di bahagian-bahagian tertentu persalinan dengan kadar bandingnya diambil kira

membuatkan sesiapa yang mengenakannya kelihatan bergaya dan menyerlah sifat-sifat keMelayuan.

Pada asasnya rangka pola persalinan Melayu adalah ringkas dan berpanel geometrik. Keadaan ini sesuai dengan sifat-sifat kain songket tenunan Melayu yang terhad dari segi pemotongannya. Pola yang lurus dan berpanel-panel besar dilipat sahaja semasa pemotongan kain tersebut bagi mengelakkan kerosakan pada benang emas. Panel-panel yang dipotong ini disesuaikan pula dengan kaedah jahitan tertentu untuk membantu menguatkan sambungan kain tenunan dan juga kelihatan lebih kemas.

Pada keseluruhannya tukang-tukang tenun dan tukang-tukang jahit Melayu tradisi lebih mementingkan ketelitian dan kekemasan dalam menghasilkan persalinan lengkap. Hasil kajian membuktikan bahawa persalinan lengkap memerlukan perancangan yang rapi dan daya kreativiti yang tinggi. Ketelitian ini bukan sahaja dapat dilihat dari segi teknikal sahaja malah dari aspek-aspek lain khususnya unsur-unsur adat dan budaya Melayu. Pemilihan motif, warna, bahan serta cara pemakaian persalinan mempamirkan bahawa mereka benar-benar jujur, ikhlas dan kreatif dengan karya ciptaan mereka.